

CNS3002

U GB 28-07 00168 BD029

Bah

Mahathir - Etika

NILAI-NILAI ETIKA TERTENTU PERLU DISEBARKAN DALAM WAWASAN 2020

T

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata nilai-nilai etika yang baik perlu dipelajari, diajar dan disebarikan sekiranya Malaysia mahu terus makmur.

"Di manapun ia perlu disebarikan dengan lebih di kalangan mereka yang terlibat dalam pembangunan negara -- para eksekutif dalam kerajaan dan di sektor swasta," katanya.

Beliau berkata apa yang diperlukan ialah satu set nilai-nilai baik yang diterima manusia sejagat seperti tekun, jujur, bersabar, disiplin, gigih, dedikasi, tabah, teliti dan sebagainya.

"Terdapat terlalu banyak nilai seperti ini sehingga ia tidak mungkin bagi seseorang memiliki semuanya. Malangnya, ia adalah mungkin bagi seseorang individu atau negara seluruhnya untuk mencapai kejayaan dengan baik tanpa perlu mempunyai dan mengamalkan semua nilai etika yang baik ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis makan malam Kelab Harvard di sini. Kelab itu mengadakan mesyuarat tahunannya pada siang tadi. -- Lagi

▼28/07/22-26MST

CNS3003

U GB 28-07 00115 BD030

Bah

Mahathir - Etika 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata nilai-nilai etika perlu disebarikan dan secara terpilih-pilih di kalangan kumpulan kritikal tertentu yang diharap dapat memainkan peranan utama dalam pembangunan negara.

Para pengurus, eksekutif dan profesional merupakan satu daripada kumpulan itu, tambahnya.

Katanya, nilai-nilai etika ini bersifat sangat kompleks dan penyebarannya kepada anggota masyarakat tidak boleh dibiarkan menerusi "proses biasa".

Perdana Menteri berkata terdapat kecenderungan untuk menumpukan kepada hanya satu kualiti atau nilai etika yang mudah bagi menjamin keputusan yang dikehendaki.

Malangnya satu kualiti yang mudah tidak dapat menjamin keputusan yang baik walau bagaimana baik sekalipun kualiti itu dianggap oleh masyarakat keseluruhannya. -- Lagi

▼28/07/22-28MST

CNS3004

U GB 28-07 00174 BD031

Bah

Mahathir - Etika 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata masalah-masalah yang dihadapi oleh banyak negara maju hari ini sebahagiannya adalah akibat kemerosotan nilai-nilai etika dan moral dalam masyarakat mereka.

Beliau percaya salah satu punca berlakunya jenayah perdagangan besar di kalangan beberapa masyarakat maju ialah keruntuhan kepercayaan keagamaan.

Tidak syak lagi amalan-amalan etika yang baik dapat mengurangkan kegagalan dalam jangka pendek dan panjang.

"Kita tahu negara-negara yang rasuah berlaku dengan meluasnya. Kita tahu negara-negara di mana semuanya tidak bergerak. Kita tahu negara-negara di mana sesuatu berlaku tanpa diduga. Malah terdapat juga negara yang mempunyai moral tinggi tetapi menemui kegagalan", katanya.

"Tetapi sejarah telah membuktikan bahawa nilai-nilai etika dan moral telah memberikan sumbangan yang positif ke arah kejayaan manusia, negara dan empayar."

"Kita tidak akan memusnahkan diri kita sendiri jika kita semua termasuk pembuat dasar di negara ini menghargai peranan nilai etika dan moral, dan mengamalkannya dalam perjuangan harian kita untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang lebih makmur," tambahnya. -- Lagi

▼28/07/22-29MST

CNS3005

U GB 28-07 00173 BD032

Bah

Mahathir - Etika 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun, mengamalkan kepercayaan agama semata-mata secara umumnya tidak memadai walaupun bagi yang alim. "Apa yang kita lihat daripada seseorang itu biasanya bukan dia yang sebenar. Jadi kita mesti sebarkan amalan-amalan etika yang baik, bukan sahaja kerana ia baik bagi masyarakat tetapi kerana ia juga baik kepada pengamalnya," katanya.

Perdana Menteri berkata apa yang baik kepada masyarakat biasanya juga baik kepada individu tetapi sifat baik "mementingkan diri" seseorang jarang sekali berkekalan.

"Tetapi kebaikan masyarakat akan lebih berkekalan, malah kepada individu," tambahnya.

Dr Mahathir juga berkata etika jarang sekali diajar sebagai satu mata pelajaran biasa sama ada di sekolah atau universiti.

"Ta dianggap bahawa setiap orang tahu apa yang dikatakan etika yang baik dan setiap orang akan menerimanya tanpa soal," katanya.

Beliau berkata adalah penting bagi masyarakat agar tidak menumpukan kepada nilai-nilai etika saja tetapi lebih penting lagi amalan nilai-nilai ini perlu diselidiki dan membetulkan mana-mana yang perlu. -- Bernama

ES JK OA

▼28/07/22-33MST